

**Belum Terlewat Untuk Anjur Rumah Terbuka Aidilfitri - Najib  
Bernama  
August 23, 2014**

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata masih belum terlewat untuk menganjurkan rumah terbuka bersempena Aidilfitri.

Najib, yang menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Parlimen Pekan hari ini, berharap semoga Syawal kali ini membawa kegembiraan walaupun negara sedang berkabung berikutan tragedi yang menimpa pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH17.

"Ingatlah kepada mereka yang tidak sempat meraikan Syawal dan kita doa agar mereka ditempatkan dalam kalangan yang beriman. Insya-Allah.

"Terima kasih warga Pahang atas majlis yang sederhana namun cukup meriah," kata Najib dalam catatan terbaharu beliau di Facebook.

Turut berkenan berangkat ke majlis itu Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Tengku Puan Pahang Tengku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1062802>